

Manuscript Received Date: 13 August 2018
Manuscript Accepted Date: 12 November 2018
DOI: <https://doi.org/10.33102/ulum.2018.25.02>

Asas Pembentukan Kata dalam Morfologi Arab [The Foundation on Word Formation In Arabic Morphology]

Muhammad Afiq bin Mahazi

Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia
Kulim, Kedah, Malaysia
Muhd_afiq91@yahoo.com

Hakim Zainal

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
haza@ukm.edu.my

Abstrak

Bahasa merupakan salah satu medium yang penting untuk menyebarkan pengetahuan serta membina identity. Tambahan pula, Bahasa juga mengandungi corak perkataan, elemen morfem, derivasi yang membawa kefahaman yang lebih baik untuk digunakan dalam kehidupan seharian. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji proses pembentukan kata bahasa Arab serta kaedah perubahan pola perkataan dilaksanakan. Ini melibatkan beberapa elemen yang terlibat dalam proses pembentukan kata seperti penglibatan elemen morfem, infleksi, derivasi dan beberapa komponen yang lain. Metod kualitatif digunakan iaitu dengan menganalisis isi kandungan melalui pembacaan bahan ilmiah seperti buku, artikel dan keratan akhbar. Hasil dari kajian mendapati bahawa sesuatu perkataan dalam bahasa Arab itu dibentuk dengan menggunakan kata akar sebagai asas bagi menerbitkan pola perkataan yang baru. Akar kata ini terhasil daripada tiga konsonen (fonem) serta penggabungan beberapa unit morfem seperti perkataan كَتَبَ (telah menulis) yang terdiri konsonan (KA+TA+BA).

Kata kunci: *Morfologi, pembentukan kata, akar kata, morfem*

Abstract

Language is one of the most important medium to transmit knowledge and also to build the identities. In addition, language contained the word patterns, morpheme elements, derivations which lead better understanding for use in daily life. The aim of this article to study the process of Arabic language formation and the change of word pattern which had implemented. It involved the elements of word formation such involving of morpheme elements, inflections, derivations and some other components. A qualitative method approached by analysing the content through the reading of scientific materials such as books, articles, and newspaper. The results of the study found that a word in Arabic was formed by using the root word as the basis for publishing a new word pattern. The root word is derived from three consonants (phoneme) as well as the connectivity of several morpheme units like words كَتَبَ (has written) consisting of consonants (KA+TA+BA).

Keyword: *Morphology, word formation, root word, morpheme*

Pendahuluan

Bahasa merupakan satu komponen yang sangat penting dalam kehidupan seharian manusia sebagai satu alat interaksi antara satu yang lain. Jika menyentuh berkaitan alat interaksi,

ternyata bukan manusia sahaja yang mampu berhubung antara satu sama lain, malah haiwan juga mempunyai ‘bahasa’ yang tersendiri (Abdullah Hassan 1982). Jika diteliti, bahasa itu secara dasarnya melibatkan tiga teras ilmu yang utama iaitu fonologi, sintaksis serta morfologi. Oleh kerana bahasa itu boleh dianggap sebagai satu ‘sistem’ iaitu sistem perhubungan, maka sudah tentu ia mempunyai peraturan-peraturannya yang khusus. Secara jelas, menurut Kridalaksana bahasa merupakan satu bidang yang membahaskan berkaitan unsur bunyi (fonologi) serta makna (semantik) yang melibatkan tiga subsistem utama iaitu sistem fonologi, sistem gramatikal dan sistem leksikal.

Dalam bidang linguistik am, morfologi merujuk kepada sistem minda yang membincangkan berkaitan pembentukan kata, iaitu satu bidang yang membahaskan berkaitan struktur kata serta tatacara sesuatu kata itu dibentuk. Dalam Bahasa Melayu, kata morfologi ini merupakan transliterasi kata daripada bahasa Inggeris (BI) iaitu *morphology* yang membawa maksud ‘kajian bentuk kata’. Pengertian ini pernah diutarakan oleh Matthews (1990) sebagai satu kajian melibatkan bentuk-bentuk kata dan cabang tatabahasa yang menyelenggarakan struktur hakiki kata-kata. Mark Aronoff dan Kirsten Fudeman (2005) berpendapat bahawa sumber kata *morphology* itu diambil dari perkataan Yunani (Greek) iaitu ‘*Morph*’ yang bermaksud ‘bentuk’.

Verhaar (2010), menyatakan morfologi secara dasarnya merupakan bidang yang mempelajari susunan bentuk perkataan secara gramatis. Ariffin (2009) menerangkan proses morfologi ini sebenarnya adalah satu proses yang

Permasalahan Kajian

Proses pembentukan kata bahasa Arab bagi menerbitkan pola perkataan baru dengan menggunakan beberapa elemen tidak lagi diketahui dengan jelas. Malahan, kaedah

Kajian Lepas

Kajian berkaitan bidang morfologi bukanlah suatu fenomena yang baru dalam pengajaran bahasa Arab malah ia mula mendapat tempat bagi para penyelidik untuk mendalami serta memahami bidang pengkajian ini. Hal ini

mengubah leksem atau kesatuan leksikal bagi menghasilkan sesuatu kata. Justeru, dari akar kata serta pola perubahan yang berlaku pada akar kata tersebut secara tidak langsung membentuk perkataan dalam bahasa Arab. Jadi, tidak dapat disangkal lagi bahawa aspek ‘kata’ merupakan salah satu komponen yang sangat penting dalam bidang morfologi. Majoriti ahli bahasa mendefinisikan kata sebagai bentuk bebas yang terkecil yang mampu untuk berdiri sendiri yang terdiri dari satu kata: contohnya, ‘*pukul!*’ dapat berdiri sendiri sebagai sebuah ayat perintah atau ‘tiga’ sebagai jawapan kepada ‘*berapa?*’ (Abdullah Hassan 1982). Manakala unit yang terkecil yang tidak dapat dipecahkan lagi atau unit asas disebut sebagai morfem (Matthews 1990)

Berdasarkan kepada keterangan di atas, dapat disimpulkan bahawa dalam proses pembentukan kata terdapat tiga elemen yang saling berkaitan iaitu leksem (input) morfem dan kata (output). Dengan makna yang lain, sesuatu pembentukan sesuatu kata itu merupakan hasil daripada proses pembentukan morfem serta penggabungan di antara komponen morfem-morfem yang lain.

Sebagai contoh, pada kata ‘minuman’ ‘diminum’ serta ‘terminum’. Masing-masing mempunyai ciri-ciri yang berlainan iaitu terdapat penambahan –an, di- dan ter- pada perkataan akarnya iaitu makan. Setiap perkataan tersebut membawa pengertian yang berbeza jika digunakan dalam sesuatu struktur ayat walaupun bersumberkan kepada akar kata yang sama. Jadi, seluk beluk sesuatu kata serta pengaruh perubahan struktur kata yang berlaku terhadap golongan kata atau makna itulah yang dibahasakan dalam bidang morfologi (Ramlan 2009).

perubahan pola perkataan Bahasa Arab masih lagi perlu dikaji.

disebabkan, kemerosotan para penutur terutama di kalangan pelajar dalam aspek penggunaan bentuk serta pola perkataan. Kenyataan ini dibuktikan dengan laporan yang dikemukakan oleh Che Radiah Mezah (2009), bahawa

kesilapan pelajar secara majoritinya merupakan kesilapan penggunaan bentuk atau pola perkataan yang tidak sesuai dengan konteks ayat. Konteks ayat meliputi kata kerja berimbuhan, kata jamak, *masdar* dan kata *mushtaq*. Selain itu, buku yang dihasilkan oleh Mohd Rosdi Ismail serta Mat Taib Pa (2006) turut membahasakan berkaitan permasalahan ini. Menurut mereka antara kekeliruan yang sering kali berlaku adalah aspek membuat pengecaman (أل) serta memahami fungsi makna “kelompok” (أل الجنسية) dan fungsi makna morfologi “relatif” (أل الموصول) berbanding ketika merujuk “definit” (أل العهدية). Menurut Tammam Hasan (2001), terdapat lapan asas penting yang perlu diberi perhatian dalam menentukan makna di dalam sesebuah ayat antaranya ialah penggunaan pola perkataan atau dikenali sebagai ilmu *tasrif*. Selain itu, penggunaan *i'rab* serta pola perkataan yang betul dapat mempermudah dalam mengucapkan kalimah-kalimah di dalam Bahasa Arab (Ibrahim Anis, 2010). Hal ini jelas membuktikan bahawa bidang morfologi merupakan salah satu elemen utama bagi menguasai bahasa Arab.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas dapat difahami bahawa perbincangan morfologi secara hakikatnya membahasakan berkaitan aspek bentuk dan fungsinya. Menurut Kamarudin Hj. Husin (1997), morfologi merupakan disiplin ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Bentuk kata ini merujuk bentuk bunyi atau ujaran sesuatu kata itu. Hal ini menunjukkan bahawa sesuatu bentuk bunyi itu haruslah bersesuaian dengan aspek struktur kata supaya ujaran yang dihasilkan itu betul dan tepat. Nik Safiah

Metodologi Kajian


Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah analisis isi kandungan bagi mengumpul serta menganalisis data. Data diperoleh dengan meneliti tinjauan buku-buku ilmiah iaitu buku berbentuk *turath*

Perbincangan

a. Beberapa Istilah Dalam Proses Morfologi

Sebelum membahasakan dengan lebih lanjut berkaitan proses pembentukan kata dalam morfologi Arab, perlu bagi kita untuk mengenali dan memahami terlebih dahulu

Karim (2004), berpendapat bahawa pengkajian morfologi ini berlegar berkaitan aspek struktur, bentuk dan penggolongan kata. Struktur kata tersebut adalah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang yang turut menjadi unit bahasa yang bermakna. Hal ini kerana setiap perkara yang ditulis mengandungi makna. Siti Hajar Abdul Aziz (1996), mendefinisikan bahawa morfologi merupakan satu cabang daripada ilmu linguistik yang mengkaji soal yang berkaitan dengan kemungkinan adanya perubahan kata, golongan kata, dan makna kata. Perubahan ini berlaku kesan daripada perubahan bentuk kata. Di samping itu, penyusunan morfem dapat memberi makna kepada bentuk bahasa. Cara-cara penyusunan morfem ditunjukkan dalam rajah 1 dibawah.



Rajah 1: Empat cara morfem sesuatu bahasa disusun, iaitu order, modulation, phonetic modification dan selection. Hanya dua iaitu, order dan selection mempunyai kaitan dengan binaan kata majmuk. Morfem dipilih dan diletakkan dalam urutan yang ditetapkan dan turutan ini mempunyai fungsi tatabahasa yang tersendiri. Oleh itu, pemilihan dan penyusunan morfem dalam suatu bahasa dapat memberi makna kepada bentuk bahasa tersebut.

Sumber : Bloomfield ; 1962

atau kotemperori serta journal. Sampel diambil berkaitan morfologi serta pembentukan Bahasa Arab.

beberapa istilah yang digunakan dalam membentuk sesuatu kata itu. Jika dari aspek morfologi bahasa Melayu, pengarang tersohor dalam bidang ini iaitu Abdullah Hassan dalam judul bukunya ‘linguistik am untuk guru

bahasa Malaysia', membahagikan empat subtopik morfologi ini mengikut kategorinya iaitu:

1. Morfologi dari aspek unit, konstruksi dan golongan kata
2. Morfologi dari aspek kata imbuhan
3. Morfologi dari aspek kata ganda
4. Morfologi dari aspek kata majmuk

Berdasarkan kepada penelitian dari subtopik dalam morfologi bahasa Melayu, terdapat hampir kesemua elemen yang turut diguna pakai dalam membentuk kata dalam perkataan Arab. Antaranya penglibatan penggunaan unit morfem, pengolongan kata, pengandaan, pengimbuhan serta pemajmukan. Berikut merupakan beberapa istilah yang sering digunakan dalam proses morfologi Arab ini:

Bunyi (Fonem)

Secara kasar bunyi-bunyi dapat dihasilkan melalui dua cara, pertama bunyi itu dikeluarkan dengan cara udara itu tidak mengganggu dalam rongga mulut. Udara yang keluar dari rongga mulut ini tidak tersekat atau terhimpit dan sebagainya. Bunyi tersebut dipengaruhi oleh kedudukan lidah dan bentuk bibir sahaja, Bunyi yang dihasilkan ini disebut sebagai bunyi vokal. Kedua, ialah bunyi yang dihasilkan dengan menekan udara keluar dari paru-paru. Aliran udara ini kemudiannya terganggu oleh alat-alat sebutan tadi semasa melalui rongga mulut atau rongga hidung. Bunyi ini disebut sebagai bunyi konsonan (Abdullah Hassan 1982).

Dalam bahasa Arab, setiap huruf yang menghasilkan bunyi disebut sebagai harakat. Harkat ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu harakat yang berbaris yang disebut *sait* (صائت) dan tidak berbaris (*sakn*). Huruf yang tidak diletakkan baris ini disebut sebagai *samit* (صامت) (Mahmud 2006). Vokal yang mempunyai harakat ini merupakan bunyi suara memanjang yang terhasil dari gelombang nafas untuk melambangkan titik nibrah atau disebut sebagai tekanan. Kedudukan huruf ini boleh diletakkan dihadapan, ditengah atau dibelakang dalam sesuatu perkataan itu (al-Khuli 1982). Secara ringkasnya, vokal adalah tanda bunyi yang dituliskan di atas atau bawah konsonan berpola aktif meliputi fathah untuk bunyi (a), kasrah untuk bunyi (i), dan dommah untuk

bunyi (u), serta berpola pasif meliputi sukun, yaitu penanda hilangnya bunyi vokal (Kridalaksana 2009).

Morfem

Morfem merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam pengkajian morfologi Arab. Hal ini kerana setiap pembentukan kata dalam bahasa Arab tidak terlepas dari penggunaan aspek morfem ini. Morfem diistilahkan sebagai unsur perkataan. Maknanya, setiap bentuk dari perkataan mengandungi unit-unit morfem di dalamnya. Sebagai contoh penggunaan morfem di dalam bahasa Melayu, perkataan *biru*, terdiri dari satu morfem tetapi jika ditambahkan imbuhan padanya seperti *-an* (*biru + an*), maka terdiri padanya dua bentuk morfem iaitu kata dasar *biru* dan *-an*. Oleh yang demikian morfem boleh diertikan sebagai unit tatabahasa yang terkecil yang mengandungi makna atau mempunyai peranan atau fungsi dalam tatabahasa (Utusan online 2013).

Menurut Abdullah Hassan (1982), morfem ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu morfem bebas serta morfem terikat. Morfem bebas merupakan morfem yang dapat wujud bersendirian, sementara morfem terikat mesti diletakkan sekurang-kurangnya bersama dengan sebuah bentuk morfem yang lain. Misalnya, perkataan '*kerja*', ia merupakan sebuah morfem bebas kerana tidak memerlukan perkataan lain untuk disandarkan namun kata *be-*, terpaksa digabungkan dengan perkataan '*kerja*' agar kata tersebut dapat difahami. Oleh sebab itu, kata *be-* dikatakan morfem terikat.

Akar Kata

Akar atau lebih mudah difahami dengan asal kata ialah bahagian perkataan yang berbaki atau tertinggal apabila kesemua imbuhan telah diasingkan. Seperti pada perkataan '*pertanyaan*' akarnya ialah dari kata '*tanya*' (Abdullah Hassan 1982). Dalam bahasa Arab, akar ini disebut sebagai *al-jizr* (الجزر). Contohnya perkataan *إضرب* (*pukullah*) merupakan perkataan yang diambil dari komponen tiga huruf iaitu *ض-ر-ب*. Selain itu, satuan terkecil dari leksikon (kata) disebut leksem. Leksem ini berperanan dalam memberi input dalam proses morfologi.

Terdapat perbezaan di antara leksem serta kata walaupun jika sekilas dilihat ia seakan-akan hampir serupa. Menurut kamus besar bahasa Indonesia (2016), Leksem merupakan kata dasar yang mendasari sesuatu kata, contohnya perkataan ‘dipukul’, ‘terpukul’ dan ‘pukulan’ merupakan leksem dari ‘pukul’ sedangkan kata adalah bagian terkecil dalam suatu bahasa yang memiliki makna dan dapat berdiri sendiri. Kridalaksana (2009), menyatakan “kata” memainkan peranan terbesar dalam proses morfologi yang berfungsi sebagai output dan dapat dianalisis.

Dalam bahasa Arab, leksem ini disebut sebagai *wahdatul mu'jamiah* (وحدة المعجمية) (Baalbaki 2009) atau dikenali sebagai *mufradah mujarradah* (مفردة المفردة) (al Khuli 1982). Jadi, dapat disimpulkan bahawa akar kata merupakan komponen yang terkecil yang mengandungi makna serta tidak boleh dipisahkan lagi kepada unit yang lebih kecil.

Pengimbuhan

Di dalam bahasa Melayu, pengimbuhan merupakan kaedah dalam mengembangkan kata dasar dengan menggunakan imbuhan. Kata dasar seperti yang sedia maklum, merupakan suatu bentuk di mana sesuatu imbuhan dicantumkan atau pengandaan dilakukan. Sesuatu dasar itu boleh terdiri dari morfem akar (bebas atau terikat) atau sesuatu bentuk kompleks (terbitan), berganda atau majmuk. Tambahan pula, imbuhan ini terdiri dari bentuk terikat kerana ia tidak dapat berdiri sendiri tanpa ada bentuk lain sebagai dasar. Pengimbuhan ini boleh digolongkan kepada awalan, akhiran, sisipan dan kurungan sesuai dengan kedudukannya berhubung dengan bentuk dasar. Penambahan imbuhan pada awalan diistilahkan sebagai prefix seperti pen-,pe-,ke- dan pra-. Manakala penambahan pada akhiran disebut suffix seperti -an, -man,-wan,-wati,-is, dan -isme. Penambahan pada sisipan pula disebut inflik misalnya -el,-em- dan -er- (Abdullah Hassan 1982).

Seperti dalam bahasa Melayu, bahasa Arab juga turut berlaku proses pengimbuhan pada bentuk dasar sesuatu kata tersebut. Pengimbuhan ini dikenali sebagai *al-zaidah* (الزائدة). Selain itu Baalabaki (1990), menyatakan bahawa pengimbuhan juga dapat diistilahkan sebagai suatu morfem terikat yang

ditambahkan dalam kata sehingga berubah tugas dan maknanya. Sementara Hanafi (2004) mendefinisannya sebagai:

هي الحُرُوفُ المُضَافَةُ إِلَى أَصْلِ الْكَلِمَةِ

Iaitu huruf yang bersandar kepada asal perkataan. Seperti penambahan huruf alif dan nun pada perkataan (انكسر) yang asalnya merupakan dari akar kata (كسر) serta huruf alif, sin dan ta pada perkataan (استخرج) yang diambil dari akar kata (خرج). Menurut Darighus (1990), ahli morfologi Arab menyatakan bahawa terdapat sepuluh huruf tambahan yang terdapat pada kata kerja (الفاعل) serta kata nama (الاسم) iaitu terhimpun dalam rangkai kata ‘سألتومنيها’. Misalnya pada perkataan ‘استخدم’ yang diambil dari wazan ‘استفعل’. Jika dilihat, berlakunya penambahan huruf ‘alif’, ‘sin’, dan ta ke atas kata asalnya iaitu ‘خَدَم’.

Infleksi

Infleksi atau fleksi merupakan perubahan dari suatu bentuk perkataan ke perkataan yang lain. Dalam bahasa Arab ia disebut sebagai *tasrif* (تصريف) atau *taghir* (تغيير). Infleksi dalam bahasa Arab ini melibatkan perubahan yang berlaku dari sudut kata kerja (تصريف الفعل) sahaja seperti perkataan ضَرَبُونَ merupakan infleksi dari ضَرَبَ atau dalam bahasa Inggeris *walks* dari kata asal *walk* (Baalbaki 1990).

Derivasi

Bahasa Arab digolongkan dalam bahasa Inflektif (اللغة المتصرفية) atau dikenali sebagai bahasa derivasi (اللغة الاشتقاق). Menurut al-Asma^c (1968), *Al-isytiqaq* merupakan suatu proses pengambilan satu perkataan daripada satu kata atau lebih, malah perkataan yang diambil itu haruslah bersesuaian antara perkataan terbitan dengan perkataan asal dari segi lafaz dan makna. Hal ini bermaksud sesuatu perkataan asal atau sumber boleh mengalami proses infleksi dan derivasi bagi membentuk perkataan baru dengan makna yang berkaitan dan fungsi nahu yang berbeza. Al-Suyuti (t.th), mendefinisikan *al-ishtiqaq* sebagai satu sifah atau pola yang diambil dari kata yang lain. Kedua-duanya bersesuaian dari segi makna, huruf asal, dan bentuk susunan huruf. Hasil daripada proses ini dinamakan *al-mushtaqat* (kata nama pecahan). Pembentukan *al-Mushtaqat* ini dibahagikan kepada lapan

topik, iaitu *ism al-fa'il* (اسم الفاعل), *ism al-maf'ul* (اسم المفعول), *al-Sifah al mushabbahah* (الصفة المشبهة), *ism al-tafdil* (اسم التفضيل), *Sighah al-mubalaghah* (صيغة المبالغة), *ism al-zaman* (اسم الزمان), *ism al-makan* (اسم المكان) dan *ism al-alah* (اسم الآلة).


b. Pembentukan Kata bahasa Arab

Seperti yang dibahaskan sebelum ini, sesuatu perkataan itu pada dasarnya diambil daripada kata akar. Kata akar ini kemudiannya dikembangkan kepada beberapa bentuk kata terbitan mengikut kaedah-kaedah derivasi bagi menghasilkan makna berdasarkan kepada pertuturan yang ingin diungkapkan.

Menurut Asmah Haji Omar (1992) didalam bukunya *Aspek Bahasa dan Kajiannya* menyatakan bahasa Arab digolongkan di dalam golongan bahasa infleksi (*inflection language*). Bahasa dalam golongan ini melibatkan gabungan ciri-ciri distingtif dari segi semantik

sama dalam satu bentuk terikat yang tunggal atau dalam bentuk terikat yang bersatu dengannya. Dengan bahasa yang mudah, perubahan yang berlaku pada struktur dalaman kata dan ciri-ciri yang berkaitan dari aspek masa, jumlah, jantina dan lain-lain dapat dilihat.

Misalnya perkataan خَرَجَ (keluar). Perkataan ini terbentuk dari tiga konsonan iaitu Kha, Ra dan Ja. Ketiga-tiga huruf ini turut diletakkan baris fathah ke atasnya. Baris yang diiringi bersama tiga konsonan tersebut berperanan sebagai lambang bunyi vokal. Perkataan ini mengandungi berbagai ciri semantik dan unsur tatabahasa secara bersepadu, antaranya dari sudut masa pelakuan dibuat, jumlah pelaku, jantina, status pelaku dan kedudukan ganti nama seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2 dibawah.



Rajah 2: Perkataan Arab yang mengandungi ciri semantik dan unsur tatabahasa secara bersepadu.

Ahli linguistik moden berpendapat bahawa unsur-unsur yang bersepadu yang tidak dapat dilihat namun wujud secara tersurat ini disebut morfem sifar (zero morpheme) (Ahmad Qaddur 1996). Oleh demikian, makna yang lengkap bagi perkataan di atas kita terjemahkannya sebagai ‘dia seorang lelaki telah keluar’. Aspek-aspek semantik dan tatabahasa bersepadu yang disebutkan ini merupakan antara ciri-ciri asas kepada analisis sesuatu kata dalam bahasa Arab yang digolongkan dalam bahasa infleksi (اللغة التصريفية).

Jika perkataan خَرَجَ (telah keluar) ini ingin ditukarkan kepada pola perkataan yang menunjukkan kala kini, maka perkataan tersebut akan berubah kepada kata يَخْرُجُ (sedang keluar). Perubahan dalaman (*internal*

structure) yang berlaku ialah huruf Kha dibaris matikan, Ra di dommahkan dan Ja diletakkan baris dommah yang merupakan simbol rafa^c (رفع) atau disebut nominatif. Selain itu, terdapat penambahan huruf Ya di awal kata. Huruf Ya ini melambangkan bahawa pelakunya merupakan seorang lelaki yang terkandung ganti nama tersembunyi ketiga (dia). Jadi jika diterjemahkan secara sempurna ialah ‘dia seorang lelaki sedang menulis’.

Jika digunakan dalam bentuk perintah, ia menjadi اُخْرَجْ (keluarlah). Perubahan dalaman yang berlaku dari kata asalnya iaitu Kha dibaris matikan, Ra dibariskan dengan dommah dan Jim dibaris matikan. Di samping itu, terdapat imbuhan Hamzah Wasal di awal kata. Perkataan ini juga terangkum di dalamnya

ganti nama tersembunyi iaitu ganti nama kedua (kamu-laki). Justeru kata خَرَجَ merupakan akar kata. Melalui kata akar ini beberapa kata baru dapat diterbitkan dengan membawa makna yang berbeza.

Bloomfield (1992), menyatakan perkembangan kata daripada akar kata kepada kata-kata yang berbentuk terbitan sebenarnya mempunyai kesejajaran yang padu antara bentuk dasar dengan hasilan. Oleh sebab itu, pada kebiasaannya jika diberi salah satu dari pada pola kata yang sama kepada segelintir penutur, mereka mampu untuk menghasilkan perkataan yang lain.

Dalam bahasa Arab, kata kerja lampau (فعل الماضي) biasanya merupakan kata dasar atau asas kepada setiap paradigma. Secara majoritinya, ia akan melalui dua tahap derivasi yang setiap satunya mempunyai status yang berlainan.

1- Derivasi asas

Melalui kata akar ini ia akan menghasilkan kata-kata terbitan bermula daripada kata kerja kala kini sehingga kata terbitan yang lain. Pada peringkat ini, penerbitan kata kerja kala kini dan kata nama terbitan majorotinya bersifat ikutan/analogy (السيماعي), iaitu diambil secara tradisi atau warisan melalui cara apa yang didengar oleh orang-orang Arab terdahulu seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1 dibawah.

Jadual 1: Contoh penerbitan kala ini yang diambil secara tradisi atau warisan yang mewujudkan kata terbitan yang lain.

Bil	Kata Akar	Kala Kini	Perubahan yang berlaku
1	كَتَبَ	يَكْتُبُ	Huruf tengah berbaris dommah
2	جَلَسَ	يَجْلِسُ	Huruf tengah berbaris kasar

Bagi melihat pola-pola pengembangan dari kata akar kepada pecahan-pecahan yang baru,

kita ambil akar kata خَرَجَ (telah keluar), yang mempunyai paradigma asas seperti dalam Jadual 2 yang berikut :

Jadual 2: Pola-pola pengembangan dari kata akar خَرَجَ (telah keluar) yang membentuk kepada pecahan baru

Pecahan Kata	Bentuk	Makna
يَخْرُجُ	Kata kerja kala kini	Sedang keluar
أَخْرَجَ	Kata kerja perintah	Keluarkan
خُرُوجًا	Kata kerja terbitan	Pengeluaran
خَارِجٌ	Kata nama pelaku	Pengeluar
مَخْرُجٌ	Kata nama objek	Yang dikeluarkan

2. Derivasi lanjutan

Pada tahap ini, kata akar akan menghasilkan beberapa kata dasar baru dalam bentuk kata kerja lampau. Kata dasar baru yang dihasilkan ini, berperanan sebagai sumber derivasi yang akan menghasilkan paradigma yang tersendiri, bermula dengan kata kerja kala kini sehingga kata-kata terbitan yang selanjutnya. Paradigma yang diterbitkan oleh kata dasar adalah konsisten iaitu mempunyai kesejajaran dan bersifat analogi.

Untuk menjelaskan lagi keadaan ini, kita jadikan contoh lain dari perkataan كَتَبَ yang boleh menghasilkan beberapa bentuk kata dasar seperti كَاتِبٌ, كَاتِبَةٌ, كَاتِبَةٌ, كَاتِبَةٌ, كَاتِبَةٌ, dan كَاتِبَةٌ. Setiap kata-kata tersebut akan menghasilkan kata-kata dasar yang baru seperti peranan kata akar. Misalnya kata-kata terbitan bagi كَاتِبٌ (telah saling menulis) adalah :

Pecahan Kata	Bentuk	Makna
يُكَاتِبُ	Kata kerja kala kini	Sedang saling menulis
كَاتِبٌ	Kata kerja perintah	Sama-samalah menulis
مُكَاتِبَةٌ	Kata nama terbitan	Saling menulis
مُكَاتِبٌ	Kata nama pelaku	Pengirim berita
مُكَاتَبٌ	Kata nama objek	Penerima berita

Penambahan pengimbuhan pada akar kata serta kata dasar terdapat pelbagai variasi, iaitu awalan, akhiran, sisipan dan penggandaan. Penggandaan merupakan imbuhan yang terdiri daripada pengulangan sebahagian daripada bentuk dasar (Bloomfield 1992). Bentuk penggandaan juga ditakrifkan di mana seluruh atau sebahagian dari kata dasar itu diulangi (Abdullah Hassan 1982).

Menurut Ahmad Qaddur (1996), imbuhan yang diberikan kepada setiap kata ini dipanggil 'huruf tambahan' (حُرُوفُ الزِّيَادَةِ) disisi ahli nahu bahasa Arab. Sejak dari dahulu ahli linguistik mengelaskannya sebagai morfem terikat (bound morphem).

Pada kebiasaannya akar kata dalam bahasa Arab terdiri daripada tiga huruf konsonan yang diiringi oleh tiga baris (vokal) yang berturut-turut. Gabungan setiap konsonan akan membentuk satu suku kata terbuka. Jadi dapat

Kesimpulan

Pembentukan sesuatu perkataan itu secara alaminya melibatkan beberapa proses. Bermula dengan penghasilan dari suku kata atau penggabungan beberapa konsonan. Bunyi yang dihasilkan ini disebut sebagai fonem dalam bidang fonologi. Suku kata ini akan bergabung seterusnya akan menghasilkan satu perkataan yang baru. Dalam bahasa Arab, suatu perkataan yang mempunyai maknanya yang sendiri disebut sebagai kata dasar atau morfem bebas. Melalui dari kata dasar ini, diterbitkan pula pola perkataan yang baru yang mengandungi makna yang berbeza. Sebagai contoh akar kata كَتَبَ terhasil dari pengambungan tiga konsonan kata iaitu KA+TA+BA. Kata dasar ini kemudiannya akan

difahami bahawa setiap satu kata akar dikira terdiri dari tiga suku kata terbuka. Seperti kata خَرَجَ (KV+KV+KV). Bilangan tiga suku kata terbuka seperti ini merupakan kadar maksimum bagi turutan suku kata yang sama di dalam satu akar kata yang merupakan morfem bebas (free morfem). Morfem bebas seperti mana kenyataan Asmah Haji Omar (1993), iaitu morfem yang mampu untuk berdiri sendiri sebagai satu kata.

Justeru, dalam satu suku kata, di pelbagaikan bentuk suku kata iaitu antara suku kata terbuka dan suku kata tertutup. Objektifnya adalah bagi meringankan serta memudahkan proses penyebutan perkataan tersebut. Sementara suku kata tertutup, ia hanya berulang semaksimum dua kali dalam sesuatu perkataan seperti perkataan

يَسْتَهْرُؤُونَ (KVK+KVK+KV+KVV+KV) (Mohd Zaki & Che Radiah Mezah 2010).

melalui proses derivasi bagi menerbitkan pola perkataan yang baru sesuai dengan keperluan dari sudut maknanya. Seperti pola perkataan yang diterbitkan dari perkataan كَتَبَ tadi iaitu perkataan يَكْتُبُ (sedang menulis), اِكْتُبْ (tuliskan), كَاتِبٌ (penulis), مَكْتُوبٌ (perkara yang ditulis), مَكْتَبٌ (tempat menulis) dan كِتَابَةٌ (penulisan). Bukan itu saja, bahkan perkataan كَتَبَ juga boleh menghasilkan beberapa bentuk kata dasar seperti كَاتِبٌ, اِكْتُبْ, كَتِّبْ, اِكْتَتِبْ, dan اِسْتَكْتَبْ. Setiap kata-kata tersebut akan menghasilkan kata-kata dasar yang baru sama seperti peranan kata akar. Proses ini dipanggil sebagai derivasi lanjutan.

Rujukan

Abdullah Hassan. 1982. *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia*. Ed.ke-2. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti.

Ahmad Qaddur. 1996. *Mabadi' al-Lisaniyyat*. Damsyik: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

al-Asma'i, Abu Sa'id 'Abd al-Malik ibn Qurayb. 1968. *al-Ishtiqaq*. T.tp: t.p.

Al-Khuli, Muhammad Ali. 1982. *A Dictionary of Theoretical Linguistic*. Beirut: Librarie Du Liban.

al-Suyuti, 'Abd al-Rahman Jalal al-Din. T.th. *al-Muzhir fi 'ulum al-lughah wa anwa'ih*. T.tp: Dar al-Ihya' al-Kutub al-'Arabiyah.

- Anon. 2013. Morfem sebagai unsur perkataan. Utusan Malaysia Online, 1 April.
- Arifin, Zainal. 2009. *Morfologi Bentuk, Makna, dan Fungsi*. Jakarta: Penerbit Grasindo.
- Asmah Haji Omar. 1992. *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baalbaki, Ramzi Munir. 1990. *Dictionary of Linguistic Term*. Beirut: Dar 'Ilmi lil Malayin.
- Bloomfield, L. 1962. *The Menomini Language*. New Haven: Yale University Press.
- Bloomfield, L. 1992. *Bahasa*, Alias Mahpol et.al. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- °Akasha Mahmud. 2006. *°ilmu al-lughah madkhal nazori fil lughah al-°arabiah*. Kaherah: Dar al-nashar lil jama°at.
- Che Radiah Mezah. 2009. *Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hanafi, Dulah Haj. 2004. *°Ilmu al-sarf al-mutaqadim lil aghrad °ilmiah*. : Penerbit Universiti Islam Malaysia.
- Ibrahim Anis, 2010. *Min asrar al-Luqhoh*: Maktabah al-Angelu al-Misri'ah.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz dan Arb°ie Sujud. 1997. *Pengajian Melayu 1: (Ilmu Bahasa dan Kecekapan Berbahasa)*. Selangor: L.C. Marketing.
- Kridalaksana, Harimurti. 2009. *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia.
- Mark Aronoff and Kirsten Fudeman. 2005. *What is Morphology?* Edisi ke 2. United Kingdom : Penerbit Blackwell
- Matthews, P.H. 1990. *Morphology: An Introduction to The Theory of Word Structure*. Cambridge University Press.
- Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. 2006. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Zaki Abd.Rahman & Che Radiah Mezah. 2010. *Ciri-ciri Bahasa Arab Fonetik, Morfologi & Sintaksis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. On, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2004. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlan, M. 2009, *Morfologi: Suatu Tinjauan Deskriptif*. Yogyakarta: C.V. Karyono.
- Rasyad Darighus. 1990. *Fil qawa°id al luqhah al a°rabiah*. Beirut: Dar °ilmi lil malayin.
- Siti Hajar Abdul Aziz. 1996. *Tatabahasa Bahasa Melayu (Perkataan)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd
- Tammam Hasan. 2001. *Al-Lughah al-'Arabiyya Ma'naha wa Mabnaha. Al-Magribi: Dar al-saqhofah*.
- Verhaar, J.W.M. 2010. *Asas-asas Linguistik Umum*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.